

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2021

HARI ISNIN : 6 DISEMBER 2021

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9, 11 HINGGA NO. 44)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi isu pengambilalihan tanah sawah sebagai tapak industri dan perumahan serta bagaimanakah mahu memastikan jaminan rangkaian makanan itu berterusan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehilangan tanah sawah adalah sebanyak 15.3% dalam tempoh sedekad lalu yang merupakan satu cabaran dan perkembangan yang amat menggusarkan. Kehilangan tanah sawah yang sebahagian besarnya secara kekal ini bagi pelbagai tujuan pembangunan boleh mengancam pengeluaran padi dan beras negara sekaligus sekuriti bekalan makanan negara bagi beras.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum jua, hal ehwal tanah berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Dalam hal ini, MAFI sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri dan sentiasa menyarankan agar kawasan jelapang dan luar jelapang dikekalkan statusnya sebagai kawasan pertanian.

MAFI juga sentiasa menekankan akan peri pentingnya tindakan pengekalan kawasan-kawasan pertanian khususnya pengeluaran padi dilakukan menerusi langkah pewartaan atau pengezonan secara khusus, di pelbagai platform samada Majlis Tanah Negara, Majlis Perancang Fizikal Negara, Mesyuarat Menteri Pertanian Bersama Bersama Exco-Exco Pertanian Negeri-negeri dan sebagainya. Ini bagi memastikan sekuriti bekalan makanan negara kekal terjamin dan terpelihara pada masa akan datang.

Dalam masa yang sama, bagi memastikan kemampuan (*sustainability*) pengeluaran padi bagi jaminan sekuriti makanan, kita tidak lagi boleh bergantung kepada kawasan bertanam yang sedia ada yang semakin menyusut saban tahun. Dalam konteks ini, penumpuan terhadap peningkatan produktiviti di kawasan penanaman sedia ada harus diberikan penekanan sebagai suatu alternatif. Justeru, antara pendekatan yang diambil oleh MAFI adalah memperkenalkan Program SMART Sawah Berskala Besar atau lebih dikenali sebagai SMART SBB. Program SMART SBB ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran padi dan beras negara menerusi pengurusan sawah dan input pertanian yang lebih teratur dan cekap, pengaplikasian teknologi moden, serta penglibatan entiti swasta di sepanjang rantai nilai sehingga ke peringkat hiliran. Dalam masa yang sama, program ini bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan

SOALAN NO : 9

pesawah padi melalui kerjasama pintar dengan pemain industri secara langsung menggunakan pendekatan pertanian kontrak (*contract farming*).

Program SMART SBB menyasarkan peningkatan purata hasil padi nasional kepada 7.0 tan metrik sehektar dalam tempoh RMKe-12 berbanding purata hasil semasa sekitar 3.5 hingga 4.3 tan metrik sehektar dalam membantu pencapaian Tahap Sara Diri (SSL) beras negara pada tahap 75% menjelang tahun 2025 atau sebelum berakhirnya RMKe-12. Pendekatan yang dilaksanakan juga akan membantu mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan secara berperingkat khususnya dalam aspek-aspek penyediaan input pertanian, teknologi dan mekanisasi serta penyediaan infrastruktur menerusi pelaburan pihak swasta yang terlibat.

Pelaksanaan program SMART SBB ini akan dapat membantu meningkatkan pencapaian Tahap Sara Diri (*Self Sufficient Level – SSL*) beras negara menerusi sasaran kawasan seluas 150,000 hektar semusim atau 300,000 setahun yang akan dibangunkan dengan program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT[BETONG]
TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan:-

- (a) Apakah strategi Kementerian untuk menggalakkan petani di luar bandar bergiat dan beralih ke pertanian moden; dan
- (b) Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan hasil pertanian secara moden di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa komited dalam memodenkan pertanian khususnya bagi pertanian pintar yang telah dikenal pasti dapat menjana semula pertumbuhan ekonomi negara. Komitmen ini telah dizahirkan dalam strategi jangka panjang MAFI iaitu Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). Inisiatif pemodenan bagi sektor agromakanan ini akan melibatkan pengusaha dan petani di luar bandar selaku kumpulan sasar disebabkan kawasan-kawasan pertanian berskala besar kebanyakannya terletak di kawasan luar bandar.

Antara usaha MAFI untuk menggalakkan peralihan ke pertanian moden adalah dengan inisiatif penaiktarafan kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). TKPM merupakan kawasan penanaman dan pengeluaran tanaman makanan secara kekal yang terletak di seluruh Malaysia, terutamanya di kawasan luar bandar. Sehubungan itu, bagi menggalakkan penggunaan teknologi moden, Jabatan Pertanian telah diluluskan peruntukan sebanyak RM232 juta di bawah RMKe-12 yang melibatkan tujuh projek bagi menaiktaraf kepada sistem pengairan pintar menggunakan *Internet of Things* (IoT), perolehan jentera, mesin dan aplikasi pertanian pintar. Penaiktarafan ini akan membantu pengusaha TKPM yang terdiri daripada golongan petani beralih kepada pertanian pintar.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga telah melaksanakan pelbagai program dalam usaha menggalakkan peladang dan usahawan peladang di luar bandar bergiat aktif dan beralih ke arah pertanian moden. Antaranya Projek Ladang E-Satelit dengan peruntukan RM10 juta berbentuk geran padanan dengan nisbah 70 peratus oleh Kerajaan dan 30 peratus oleh peserta dengan had maksimum RM30,000 bagi menggalakkan petani menggunakan teknologi terkini seperti sistem pertanian pintar dan dron.

SOALAN NO : 11

Pendigitalan pemasaran merupakan antara aspek pemodenan yang boleh dilaksanakan oleh petani luar bandar. MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut mensasarkan peralihan petani luar bandar daripada jualan hanya secara *offline* kepada kaedah jualan atas talian secara digital. Pada masa ini, MAFI mempunyai platform *Agrobazaar Online* (ABO) bagi memberi pendedahan kepada petani mengenai konsep e-dagang. Sehingga 31 Oktober 2021, seramai 6,107 usahawan telah berdaftar di platform ABO dengan transaksi jualan berjumlah RM9.1 juta. Penyertaan petani/usahawan luar bandar di platform ini akan disertakan dengan latihan melalui modul *Digital Zone Apprentice* (DZA).

Seterusnya, berkenaan perancangan untuk menyediakan pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan hasil pertanian moden di Sarawak, Pusat Operasi Samarahan di bawah FAMA telah dinaiktaraf dan sedang dalam proses mendapatkan persijilan *Good Manufacturing Practice* (GMP). Pusat ini mempunyai fasiliti untuk mengumpul hasil pertanian sebanyak 20 tan metrik pada satu-satu masa.

Kerajaan Negeri Sarawak juga mempunyai perancangan untuk menubuhkan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan hasil pertanian secara moden di Limbang, Lawas, Layar, Lundu, Lachau, Sebangon, Kapit, Long Lama dan juga di kawasan-kawasan lain yang strategik dan berpotensi di seluruh Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak juga merancang untuk membangunkan *Agro Food Terminal* di Semenggok, Kuching, Bebuling, Spaoh dan Sg. Baji, Sarikei.

Operasi Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan dan *Agro Food Terminal* ini akan dijalankan oleh agensi pelaksana kerajaan negeri seperti Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak dan juga syarikat-syarikat swasta yang mempunyai pasaran domestik dan pasaran eksport. Inisiatif ini membolehkan para petani di luar bandar untuk menjual hasil pertanian seperti buah-buahan dan sayur-sayuran secara terus kepada pusat tersebut dan mendapatkan harga pasaran yang lebih baik bagi meningkatkan pendapatan serta mengelakkan lambakan hasil pertanian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bersedia mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan biro aduan, tribunal dan institusi bukan mahkamah untuk mengendalikan dan membuat keputusan bagi aduan yang melibatkan diskriminasi gender di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan dalam mencegah penindasan dan ketidakadilan yang dihadapi di tempat kerja awam, swasta, institusi pembelajaran sekolah, dan dalam masyarakat kita secara amnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya, Kementerian menyambut baik cadangan untuk menubuhkan mekanisme khusus untuk mengendalikan isu diskriminasi gender di pelbagai peringkat. Kementerian ini sentiasa memegang teguh prinsip dalam Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa semua orang adalah sama rata dan berhak mendapat perlindungan yang sama di sisi undang-undang. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi berasaskan gender terutamanya terhadap wanita seiring dengan Perkara 8(2), Perlembagaan Persekutuan bagi

SOALAN NO : 12

merapatkan jurang gender di antara lelaki dan wanita dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, pendidikan dan kepimpinan dan seterusnya mencapai kesaksamaan gender di Malaysia.

Kementerian pada ketika ini sedang melakukan pembaharuan struktural melalui penggubalan akta khusus berkenaan gangguan seksual dengan menubuhkan suatu tribunal sebagai usaha untuk menghapuskan diskriminasi dan keganasan berasaskan gender. Pemakaian rang undang-undang ini adalah meluas, tanpa mengira sama ada ianya berlaku di tempat kerja atau dalam mana-mana sektor. Dalam pada itu, Kementerian dari masa ke masa turut mengkaji dasar, pelan dan akta yang berkaitan untuk memperkasakan wanita, dan menolak sebarang diskriminasi terhadap gender.

Kementerian dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP) juga telah selesai melaksanakan kajian untuk melihat keberkesanan Dasar Wanita Negara yang telah digubal pada tahun 1989 dan pelan tindakannya untuk memastikan ianya kekal relevan dan berupaya untuk mengendalikan isu-isu berkaitan wanita di Malaysia. Susulan daripada ini, satu pelan tindakan baharu akan dibangunkan pada tahun 2022 bagi menangani isu-isu berkaitan wanita bagi merapatkan jurang gender di Malaysia seterusnya menghapuskan diskriminasi.

Usaha memperkasa serta mengarusperdana gender dalam agenda pembangunan negara diteruskan menerusi RMKe-12 yang melakar strategi untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi dan proses membuat keputusan. Agenda pemerdayaan wanita akan terus menjadi salah satu agenda penting negara yang memerlukan komitmen tinggi daripada semua pihak dalam memastikan ia selari dengan prinsip Perlembagaan Persekutuan serta obligasi negara di bawah Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) yang mengangkat dimensi kesaksamaan dan menghapuskan diskriminasi gender.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengenal pasti tahap kesihatan mental mahasiswa; dan
- (b) adakah terdapat sebarang bentuk perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikologi sosial yang telah disediakan kepada mahasiswa yang memerlukan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dalam usaha mengenal pasti tahap kesihatan mental pelajar, Kementerian melalui IPT menjalankan saringan kesihatan mental menggunakan pelbagai instrumen. Antaranya adalah dengan menggunakan soal selidik *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS). Melalui soal selidik ini, IPT dapat mengenal pasti tahap kesihatan mental pelajar, menyediakan sokongan psikososial dan kaunseling kepada pelajar yang menunjukkan simptom tekanan atau gangguan terhadap kesejahteraan mental.

Di peringkat Kementerian, satu modul Kesihatan Mental Pelajar IPT yang komprehensif telah dibangunkan dengan kerjasama Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti Awam (MAKUMA) bagi menangani tekanan, kemurungan dan kebimbangan pelajar. Modul ini mengandungi maklumat lengkap berhubung dengan instrumen untuk mengenal pasti tahap kesihatan mental pelajar IPT yang boleh diguna pakai oleh Unit Kaunseling di IPT masing-masing.

Dalam hubungan yang sama, KPT menerusi Unit Kaunseling dan Bimbingan di Universiti Awam turut menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial kepada mahasiswa yang terkesan dari segi tekanan emosi atau mental, di mana terdapat hampir 150 kaunselor dan pakar psikologi bersedia untuk membantu pelajar yang memerlukan. Perkhidmatan ini boleh diperoleh secara fizikal di kampus masing-masing, secara dalam talian (e-kaunseling), dan juga dengan menghubungi talian *hotline* (tele-kaunseling).

Dari semasa ke semasa, KPT turut menghebahkan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan agensi atau NGO lain, termasuk perkhidmatan kaunseling dan program cakna kesihatan mental supaya pelajar sedar akan bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan dan mendapat manfaat sepenuhnya menerusi perkhidmatan dan program yang disediakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ASLI [LABUAN]

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan Kementerian bagi menyediakan liputan perkhidmatan jalur lebar yang menyeluruh dan berkualiti tinggi di Labuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menghasilkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), yang bertujuan untuk menangani isu akses kepada internet berkualiti bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih.

Antara usaha dan inisiatif untuk menambahbaik infrastruktur digital di Parlimen Labuan melalui JENDELA di bawah Fasa 1 setakat 31 Oktober 2021 adalah seperti berikut:

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik	
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap
Labuan	5	2	84	81	5,896	2,353

Secara umumnya, pelaksanaan kesemua inisiatif JENDELA ini telah bermula sejak bulan September 2020 dan inisiatif yang dalam perancangan akan siap secara berperingkat sehingga hujung tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Labuan telah meningkat kepada 97.98% pada suku ketiga 2021 berbanding 97.40% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku ketiga 2020. Usaha penambahbaikan rangkaian akan diteruskan di kawasan-kawasan yang telah mempunyai liputan untuk memberikan kualiti pengalaman yang lebih baik kepada pengguna.

Pelaksanaan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh Rakyat. Ini termasuklah mengkaji semula secara berkala sasaran-sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini seperti bilangan menara baharu yang akan dibina, stesen pemancar yang dinaiktaraf serta premis-premis yang mendapat akses gentian optik bagi memastikan keperluan Rakyat sentiasa diutamakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)
SOALAN

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berikan perincian unjuran penambahan penerima pelbagai skim tetap mengikut jenis bantuan di bawah Kementerian dan berapa unjuran peningkatan kos sepanjang RMKe-12. Secara perbandingan, berapa pula kos yang perlu dibelanjakan oleh Kementerian sekiranya mengguna pakai garis kemiskinan yang baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada kumpulan sasar kementerian. Antara skim-skim bantuan bulanan yang disediakan adalah Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Warga Emas (BWE), Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT), Bantuan Am dan Bantuan Anak Pelihara (BAP).

Berdasarkan unjuran statistik JKM sehingga Disember 2021, jumlah penerima bagi skim bantuan persekutuan dijangka sebanyak **422,283 penerima** dengan perbelanjaan adalah sebanyak **RM2.2 bilion**. Pada masa ini, JKM mengguna pakai nilai PGK 2016 iaitu pendapatan isi rumah

RM980 dan ke bawah sebagai syarat asas kelayakan permohonan bantuan kebajikan. Skim bantuan yang mengguna pakai PGK sebagai syarat asas adalah Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Warga Emas, Bantuan OKU Tidak Bekerja dan Bantuan Am Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pembentangan Belanjawan 2022 pada 29 Oktober 2021, had PGK telah ditetapkan iaitu mengguna pakai **nilai PGK Makanan 2019 (RM1,169)** sebagai kriteria asas bagi kelayakan skim bantuan kebajikan mulai tahun 2022. Perubahan dari kenaikan PGK daripada RM980 kepada RM1,169, dianggarkan akan berlaku peningkatan kes dan jumlah peruntukan pada kadar 5% setahun. Ini akan menjadikan jumlah penerima bantuan pada tahun 2022 dianggarkan meningkat kepada **445,000 penerima** dengan peruntukan sebanyak **RM2.4 bilion setahun**, iaitu peningkatan 200 juta berbanding tahun 2021 atau **12 bilion** untuk lima (5) tahun RMKe-12.

Tuan Yang di-Pertua,

Kelulusan bantuan JKM tidak semestinya berpandukan kepada perkiraan PGK semata-mata. Beberapa aspek lain turut diambil kira dalam menentu dan membuat penilaian kelayakan seseorang itu mendapat bantuan JKM. Antaranya adalah dari aspek sokongan sosial keluarga secara menyeluruh seperti tanggungan keluarga, masalah kesihatan yang kronik, keperluan penjagaan yang rapi, psikososial dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]
TARIKH : 06 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengetepikan duti eksais ke atas kenderaan elektrik bagi menggalakkan rakyat Malaysia untuk membeli kenderaan elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyokong agenda kelestarian negara dan mengurangkan emisi gas merbahaya, galakan cukai bagi kenderaan elektrik (atau EV) telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2022 yang lepas. Kenderaan penumpang termasuk SUV dan MPV, kenderaan perdagangan dan motosikal elektrik akan layak menikmati insentif cukai berkenaan :

- Pertama, pengecualian duti import sepenuhnya ke atas komponen untuk EV pemasangan tempatan, bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2025;
- Kedua, pengecualian duti eksais dan cukai jualan sepenuhnya ke atas EV jenis CKD, bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2025;

NO SOALAN : 16

- Ketiga, pengecualian duti import dan duti eksais sepenuhnya ke atas EV jenis CBU import, bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023; dan
- Keempat, pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 bagi kos pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa-beli peralatan atau yuran langganan kemudahan pengecasan EV, bagi tahun taksiran 2022 dan 2023.

Dengan adanya galakan cukai ini, Kerajaan berharap pembelian kenderaan EV di kalangan rakyat dapat ditingkatkan yang akan menggalakkan syarikat pemasangan kenderaan untuk mengilang atau memasang kenderaan EV ini secara tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pembaharuan-pembaharuan bagi isu-isu dalam industri kreatif dan perfileman di Malaysia antaranya, penapisan di pihak FINAS yang menghalang kreativiti penulis, pengarah dan pelakon dalam pembikinan filem yang berkualiti dan adakah Kementerian masih ingin melaksanakan cadangan supaya lesen diperlukan untuk pencipta ekspresi kreatif di media sosial, memandangkan Kementerian sebelum ini menyatakan peraturan ini tidak akan dikuatkuasakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) sentiasa komited dan berusaha menangani isu-isu dalam industri kreatif dan filem dengan merangka dan melaksanakan pelbagai pembaharuan. FINAS misalnya telah merangka misi 'Road to Oscar' (ROT) yang bertujuan sebagai penanda aras pengiktirafan filem Malaysia di peringkat antarabangsa. Inisiatif ini adalah untuk memperkasakan industri perfileman negara secara holistik di peringkat domestik dan luar negara.

Bagi memperkasa perkhidmatan, sokongan, infrastruktur berkapasiti tinggi dalam penghasilan kandungan yang berkualiti, FINAS

SOALAN NO : 17

telah menyediakan sistem 4K Realtime dalam pasca produksi filem (suntingan) bagi kemudahan penggambaran yang dijangka akan digunakan pada tahun 2022. Bagi membangunkan semula sistem audio pula, Projek Sangkar Bunyi (Wavenest) dijangka siap pada tahun 2022 untuk digunakan oleh penggiat industri.

Manakala bagi memperkasa pembangunan modal insan dan profesionalisme penggiat industri, FINAS dengan kerjasama MYNIC melaksanakan Program Pendigitalan Ekonomi Anak Seni Malaysia (PERANTIS) dengan penglibatan lebih 100 orang penggiat industri kreatif untuk berkecimpung dalam aktiviti ekonomi digital menerusi penggunaan domain.MY, penyediaan laman sesawang e-dagang, bimbingan serta pemantauan prestasi selama tiga (3) bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui FINAS sentiasa memberikan sokongan dan bantuan kepada penggiat industri filem untuk memperkembangkan bakat dan meningkatkan kreativiti dalam menghasilkan karya yang berkualiti. Namun, filem tempatan atau luar negara hendaklah mendapat kelulusan daripada Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertujuan menjaga keselamatan negara, keharmonian kaum serta melindungi kepentingan negara dan rakyat daripada pengaruh buruk serta unsur-unsur negatif sebelum diedar atau ditayangkan kepada umum.

Selain itu, Kementerian dan FINAS sedang giat mengkaji penambahbaikan dan pindaan terhadap Akta Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (1981) Akta 244 bagi memudahkan dan membangunkan industri perfileman negara termasuk aspek berkaitan penciptaan ekspresi kreatif di media sosial. Pada masa kini, FINAS masih melaksanakan pelesenan dan penguatkuasaan ke atas ketiga-tiga sektor utama perfileman iaitu pengeluaran, pengedaran dan pemameran berpandukan Akta 244 sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan hasrat Kementerian untuk menceburi bidang-bidang pertanian baru yang lain seperti penanaman anggur dan sebagainya. Apakah galakkan-galakkan yang disediakan oleh Kementerian bagi petani-petani yang berani menceburi bidang pertanian baru.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi galakan dan bantuan kepada petani atau usahawan yang berminat untuk menceburi tanaman makanan seperti padi, tanaman sayuran dan tanaman kelapa serta bidang pertanian baharu seperti tanaman anggur, buah tin dan tanaman lain yang mempunyai potensi dan permintaan. Usaha ini disokong di dalam Dasar Agormakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang baharu dilancarkan pada 25 Oktober 2021 di bawah Sub-Industri Buah-buahan dan Sayur-sayuran bagi menyokong pertumbuhan jangka panjang segmen buah-buahan dan sayur-sayuran bernilai tinggi.

MAFI turut menyediakan pelbagai bentuk insentif dan galakan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 melalui Jabatan dan Agensi seperti pembangunan infrastruktur, pembekalan input pertanian, pemindahan teknologi, penyediaan kemudahan lepas tuai dan sebagainya bagi membantu petani yang berminat menceburi bidang pertanian baharu.

Untuk makluman, MAFI melalui Jabatan dan Agensi, telah memperuntukkan sebanyak RM 65 juta bagi projek pembangunan buah-buahan dan RM 20 juta bagi projek pembangunan sayur-sayuran bagi membantu petani dari segi kaedah pelaksanaan atau *knowledge transfer* serta galakan dalam mengusahakan tanaman sedia ada serta tanaman-tanaman baharu yang berpotensi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dalam memastikan data sulit negara gagal untuk ditembusi oleh mana-mana pihak di samping menerajui transformasi digital.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] pada 15 November 2013 bertujuan untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urusan niaga komersial oleh pengguna data supaya tidak disalah guna dan disalah pakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Akta 709 terpakai kepada mana-mana orang yang memproses dan mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi berkenaan dengan transaksi komersial kecuali Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Akta 709 adalah terpakai kepada Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Memandangkan pendekatan sosial, ekonomi dan budaya masyarakat kian berubah berbanding 10 tahun dahulu, maka Akta 709 telah dikaji semula agar selari dengan perubahan dan perkembangan polisi perlindungan data peribadi di peringkat global. Kajian awal bagi semakan semula Akta 709 telah dijalankan pada tahun 2019 dengan penubuhan empat (4) pasukan kerja iaitu:

- i. Pasukan Kerja Industri Perniagaan dan Sektor Kerajaan;
- ii. Pasukan Kerja Penguatkuasaan dan Pematuhan;
- iii. Pasukan Kerja Inovasi dan Teknologi; dan
- iv. Pasukan Kerja Perundangan dan Tadbir Urus.

Setiap pasukan kerja terdiri daripada golongan pakar dan profesional yang berpengalaman luas berkaitan perlindungan data peribadi di dalam industri masing-masing.

SOALAN NO : 19

Seterusnya, bagi mendapatkan maklum balas semua pihak, satu Kertas Rundingan Awam Bilangan 1 Tahun 2020 bertajuk Semakan Semula Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] telah dimuat naik di laman sesawang www.pdp.gov.my bermula 14 Februari 2020 hingga 28 Mac 2020. Kertas ini telah menerima komen dan cadangan penambahbaikan daripada pelbagai sektor industri, pengguna data, pemproses data, ahli majlis perundangan dan masyarakat umum yang merupakan subjek data.

Terkini, Rang Undang-undang Pindaan Akta 709 sedang dalam proses pemurnian sebelum dimajukan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC). Antara cadangan pindaan yang dibuat termasuk:

- i. Pelantikan Pegawai Perlindungan Data (*Data Protection Officer – DPO*) oleh pengguna data dan pemproses data;
- ii. Meletakkan obligasi terus terhadap Prinsip Keselamatan kepada Pemproses Data;
- iii. Mewajibkan Notifikasi Ketirisan Data (*Data Breach Notification – DBN*);
- iv. Memudahkan Hak Mudah Alih Data (*Data Portability*); dan
- v. Penggantian senarai putih (*whitelist*) dengan senarai hitam (*blacklist*) bagi pemindahan data rentas sempadan.

Bagi maksud keselamatan data sulit Negara dan penembusan sistem keselamatan, memandangkan Akta 709 tidak terpakai untuk Kementerian/ Jabatan Kerajaan, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Agensi Keselamatan Siber Negara (*National Cyber Security Agency – NACSA*) yang telah ditubuhkan pada 1 Februari 2017 sebagai satu agensi pusat khusus di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang bertanggungjawab ke atas semua aspek keselamatan siber Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan program dan projek untuk merancakkan semula industri pelancongan dengan segera dan berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk program dan projek masa sekarang dan '*post pandemic*'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun sektor pelancongan terkesan teruk semasa penularan COVID-19, projek pembangunan tetap terus dilaksanakan dengan peruntukan pembangunan RM153juta bagi tahun 2021 merangkumi 65 projek. Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP, pelaksanaan perolehan/projek Kerajaan masih diteruskan berpandukan kepada Pekeliling dan peraturan semasa Kerajaan.
2. Selain itu, MOTAC juga telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi tujuan Pemerksaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan. Peruntukan ini adalah termasuk 75 projek Penyelenggaraan Kemudahan Pelancongan Termasuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak/Bangunan Warisan, projek Penambahbaikan Terhadap Penyusunan Statistik serta projek Promosi & Pemasaran Secara Digital.
3. Kementerian ini juga telah diperuntukkan sebanyak RM30 juta untuk 89 projek di bawah peruntukan Pembangunan RP1, RMKe-12, Tahun 2021 bagi tujuan Penyelenggaraan Kemudahan/Infrastruktur Pelancongan. Projek-projek penyelenggaraan dan naik taraf ini dilaksanakan bagi memastikan ketersediaan infrastruktur pelancongan ditahap yang optimum dan selamat.
4. Di samping itu, Kementerian melalui agensi Tourism Malaysia telah menjalankan program penggalakan promosi domestik dan luar negeri serta pengiklanan bagi merancakkan dan menggalakkan semula pelancongan ke dan dalam Malaysia yang telah terkesan akibat pandemik COVID-19.
5. Melalui pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), peruntukan berjumlah RM30 juta di bawah Pelan Pemulihan Pelancongan telah diberikan kepada Kementerian bagi tujuan meningkatkan promosi pelancongan Malaysia dan juga kuasa beli ("*purchasing power*") di kalangan pengguna. Agensi-agensi di bawah Kementerian bekerjasama

NO. SOALAN : 20

dengan para penggiat industri pelancongan bagi memulihkan pelancongan domestik secara berperingkat yang boleh memberikan manfaat kepada pelbagai subsektor yang berkaitan.

6. Dengan kebenaran merentas negeri bermula 11 Oktober 2021 lalu sepertimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, pembukaan semula produk-produk pelancongan di setiap negeri di seluruh negara bagi menyambut kehadiran pelancong domestik telah menghidupkan semula aktiviti pelancongan. Ini adalah perkembangan positif untuk membantu industri pelancongan tempatan bangkit semula selepas terjejas teruk akibat penularan COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

7. MOTAC kini turut memberi tumpuan untuk menerima semula kehadiran pelancong asing secara berfasa bagi merancakkan lagi industri pelancongan negara seterusnya membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH
(SRI GADING)**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan memperhalusi semula kelayakan permohonan guru kontrak baharu yang rendah dengan PNGK minimum 2.50.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan nilai minimum Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.50 telah ditetapkan sebagai syarat asas Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara *Contract of Service* (CoS). Penetapan ini adalah selaras dengan nilai PNGK minimum yang ditetapkan dalam Standard Program Pendidikan yang dikeluarkan oleh *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) bagi pemohon Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP).

KPM akan memilih calon yang terbaik bagi memastikan kualiti guru terjamin. Selain memenuhi syarat asas minimum PNGK 2.50, calon wajib lulus Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG). Calon juga perlu melepasi penilaian kompetensi umum seperti sikap, penampilan diri, pengetahuan am dan kompetensi fungsional seperti kandungan mata pelajaran dan pedagogi untuk dilantik sebagai PPP Gred DG41 secara CoS.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha terkini daripada pihak Kementerian dalam membangunkan ekonomi ibu tunggal khususnya yang berada di luar bandar dan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat prihatin dan komited untuk menjaga kebajikan wanita terutamanya wanita B40 termasuklah mereka yang bergelar ibu tunggal. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menyediakan pelbagai program pembangunan kapasiti dan penjanaan pendapatan bagi meningkatkan ekonomi wanita. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Program Wanita Bangkit (Program yang menyediakan peluang pekerjaan dan penjanaan pendapatan)

Sasaran : 2,000 orang
Pencapaian : **5,132** peserta wanita telah mendapat pekerjaan (sehingga 30 November 2021)

2. **Program Bantuan MyKasih Kapital:**

Pencapaian : **2,869** peserta wanita telah
(sehingga 30 menjalankan perniagaan
November 2021)

3. **Kolaborasi Strategik JPW dengan pelbagai pihak seperti TalentCorp dan PERKESO (menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita)**

a. **Program Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita:**

Jumlah program telah dilaksanakan : 15 program
Jumlah majikan yang terlibat : 217 majikan
Jumlah pekerjaan yang ditawarkan : 19,113 tawaran
Jumlah peserta berjaya mendapatkan pekerjaan: **506 wanita**

b. Jumlah wanita yang berjaya kembali bekerja di bawah program yang dianjurkan oleh PERKESO: **183,463 orang wanita**

4. **Industri Penjagaan Postnatal (Ibu Selepas Bersalin)**

a. Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Mamacare ialah program penjagaan ibu selepas bersalin tradisional melayu yang dipermodenkan.

b. Jumlah Pengamal Mamacare yang telah dilatih: **1,431 orang**

5. **Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA.** Pada tahun 2020, seramai 180 orang peserta telah mengikuti kursus secara PERCUMA tersebut dan program ini turut diadakan pada tahun 2021.

6. **Kolaborasi Strategik bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).** JPW telah melaksanakan program penjana pendapatan wanita melalui keusahawanan menerusi program kolaborasi strategik KPWKM dan MEDAC seperti ketetapan berikut:

SOALAN NO : 22

- a. TEKUN: Program Bantuan Pembiayaan Berkelompok TemanNita - **793 peserta** telah menerima pembiayaan
- b. Perbadanan Nasional (PNS): Sebuah program keusahawanan berkonsepkan Francais - **214 peserta** mengikuti Program SWEET
- c. INSKEN: Program INSKEN Bumiputera *Business Coaching* (IBBC) - **3,418 permohonan telah diterima.**

7. 2 Years Exit Programme (YEP)

- a. JKM melalui Pelan Transformasi JKM telah memberi fokus dan penekanan kepada usaha ke arah pendayaupayaan klien khususnya penerima bantuan melalui pelaksanaan *productive welfare* dan program “2 Years Exit Programme” dibangunkan.
- b. Jumlah peserta program 2 YEP: **214 orang**

8. Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT)

- a. Inisiatif PENJANA pada tahun 2020
- b. Jumlah penerima : 150,000 orang ibu tunggal
- c. Jumlah bantuan : RM300.00 (seorang-bantuan secara *one-off*)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU (BARAM)

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ANYI NGAU minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan SOP penghantaran kit ujian sendiri ke sekolah pedalaman dan nyatakan cabaran serta tindakan penyelesaian cabaran (jika ada).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengutamakan keselamatan dan kesihatan murid di sekolah. Sebagai langkah mencegah penularan COVID-19 di sekolah, kit Ujian Kendiri COVID-19 telah dibekalkan sebelum pembukaan semula sekolah secara berperingkat pada 3 Oktober 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah membekalkan kit Ujian Kendiri COVID-19 ke sekolah seluruh negara melalui pejabat pendidikan daerah (PPD) masing-masing termasuk di kawasan pedalaman. Pihak PPD bertanggungjawab mengagihkan kit tersebut kepada sekolah dengan kaedah yang bersesuaian.

Dalam mengagihkan kit ujian tersebut, antara cabaran yang dihadapi adalah:

SOALAN NO : 23

- i. mod pengangkutan ke sekolah di kawasan pedalaman yang pelbagai seperti pengangkutan darat, udara dan air;
- ii. kos yang tinggi diperlukan bagi tujuan pengagihan kit ke lokasi kerana perlu menyewa pelbagai jenis pengangkutan; dan
- iii. berhadapan situasi luar jangka akibat bencana seperti dilanda banjir yang menyebabkan kelewatan penghantaran kit ujian sendiri.

KPM telah mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan sekolah terutamanya di kawasan pedalaman menerima kit ujian yang telah dibekalkan. Antara tindakan yang telah dilaksanakan adalah:

- i. menyediakan pengangkutan berdasarkan keperluan lokasi bagi urusan penghantaran kit ke sekolah; dan
- ii. mendapatkan kerjasama serta kemudahan agensi yang terlibat di lokasi untuk membantu urusan penghantaran kit dari PPD ke sekolah yang terlibat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

- (a) jumlah aduan gangguan atas talian (*online harassment*) yang diterima SKMM mengikut pecahan jantina, umur, bangsa, jenis aduan serta negeri pengadu dan pelaku, antara 2016 dan 2021; dan
- (b) dari jumlah ini bilangan aduan yang telah disiasat dan diambil tindakan sepatutnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2016 hingga 30 September 2021, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menerima sebanyak **15,238** aduan awam secara umum yang berkaitan dengan gangguan atau *harassment* (dengan izin) yang dilakukan secara dalam talian. Ini merangkumi tetapi tidak terhad kepada buli, gangguan seksual, ancaman, tindakan menakut-nakutkan serta penyalahgunaan maklumat, butiran atau gambar peribadi bagi tujuan penganiayaan dan untuk memalukan atau mengaibkan individu tertentu.

Dalam tempoh tersebut, sejumlah **963** kes telah disiasat oleh pihak SKMM berhubung penyalahgunaan media sosial melibatkan kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], dan **60** daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah dengan **241** pertuduhan. Walau bagaimanapun, pihak SKMM tidak mempunyai perincian data jantina, umur, bangsa serta negeri pengadu dan pelaku seperti yang diminta.

Bagi tindakan-tindakan lain yang turut diambil oleh SKMM termasuklah menasihati dan memberi panduan kepada pihak yang terkesan dan merujuk kepada penyedia platform media sosial yang terlibat untuk penelitian lanjut berasaskan terma perkhidmatan dan piawaian komuniti mereka. Tindakan yang diambil juga adalah berdasarkan dengan tuntutan yang dibuat oleh pengadu bagi aduan yang dikemukakan.

Bagi aduan yang berada di luar bidang kuasa SKMM, aduan tersebut akan dirujuk kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan, dan bantuan kepakaran teknikal akan diberikan kepada mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN BARU BIAN [SELANGAU]**
TARIKH : **06 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

SOALAN

TUAN BARU BIAN [SELANGAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan impak COVID-19 masih dirasai oleh seluruh rakyat Malaysia, adakah Kerajaan mempunyai pelan jangka panjang untuk tidak mengenakan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) (*Real Property Tax*) untuk penjualan hartanah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Bajet 2022, Kerajaan telah mengumumkan bahawa pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat harta tanah yang dibuat oleh individu warganegara dan pemastautin tetap serta selain syarikat pada tahun ke-6 dan seterusnya **tidak akan** dikenakan CKHT mulai 1 Januari 2022. Layanan ini bertujuan bagi membantu meringankan beban kewangan pelupus dalam kategori ini yang dilihat terkesan dengan impak pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak tahun lepas.

Pada masa ini, CKHT turut tidak dikenakan dalam tiga keadaan berikut, iaitu:

1. Pertama, di mana terdapat keuntungan daripada pelupusan sebuah rumah kediaman sekali dalam seumur hidup bagi warganegara dan pemastautin tetap;
2. Kedua, di mana terdapat keuntungan daripada pelupusan hartanah antara suami dan isteri, ibu bapa dan anak, datuk atau nenek dan cucu; dan

Terakhir, di mana terdapat harta pusaka yang diwariskan dan diturunkan daripada si mati kepada pentadbir harta pusaka/wasi atau pewaris di bawah suatu wasiat.

Setakat ini, Kerajaan **tidak** berhasrat untuk menghapuskan CKHT ke atas pelupusan semua jenis harta tanah bagi semua kategori pelupus kerana ia merupakan mekanisma yang perlu ada bagi membendung aktiviti spekulasi harta tanah. Sebarang cadangan untuk menghapuskan sesuatu cukai perlu juga mengambil kira pelbagai aspek, terutamanya implikasi hasil kepada kedudukan kewangan Kerajaan dalam keadaan ekonomi tidak menentu sekarang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perancangan strategik bagi mengatasi masalah pencemaran kualiti air (Air Masam Kelat) di kawasan IADA Kemasin Semerak (Pengairan Jelawat/Rusa) yang penting bagi peningkatan pengeluaran hasil padi kepada petani yang bergiat aktif dalam kawasan IADA Kemasin Semerak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan pengairan bagi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak di Jajahan Bachok melibatkan tiga (3) kawasan utama iaitu Skim Pengairan Kemasin Hilir, Skim Pengairan Jelawat Rusa dan Skim Pengairan Semerak Hulu yang melibatkan kawasan seluas 1,240 hektar.

Masalah air masam kelat berpunca daripada kawasan gelam yang berdekatan. Projek Saliran Gelam Utama di Beris Lalang dilaksanakan bagi mengalirkan air masam kelat tersebut terus ke laut menerusi Sungai Gali. Walau bagaimanapun, saliran Gelam Utama didapati semakin mendap menjadikan saliran tersebut cetek. Ini menyebabkan limpahan Saliran Gelam ini memasuki kawasan pengairan Jelawat Rusa dan seterusnya ke kawasan padi.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah meluluskan Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Pertanian Dalam Kawasan IADA Kemasin Semerak yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Kelantan. Projek ini telah diluluskan pada Mac 2020 dan dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2022 dengan nilai kontrak sebanyak RM3,940,390. Antara skop projek termasuk kerja-kerja penggalian dan pembersihan saliran pertanian serta penyelenggaraan pintu kawalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan seperti dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 bahawa di Sarawak, hanya 13.4% penduduk luar bandar mempunyai pendidikan pengajian tinggi. Apakah punca pencapaian pendidikan yang rendah ini. Apakah strategi yang perlu dilakukan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini dan bilakah strategi ini akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa mengambil berat dan komited dalam usaha meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi yang berterusan di seluruh negara termasuklah di Sarawak. Dalam memastikan perkara ini dijayakan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KPT. Antaranya termasuklah:

- (i) **Menyediakan laluan khas ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)** bagi empat kategori pelajar, iaitu kelainan upaya, kumpulan B40, komuniti Orang Asli dan atlet sukan.
- (ii) **Membuka pengambilan pelajar ke program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET)** di Sarawak dan Sabah.
- (iii) **Melalui Program Khas Bumiputera Sarawak.**

Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi dalam menambah baik akses kepada pendidikan tinggi bagi rakyat Sarawak seperti akses kepada pendidikan dan latihan yang terhad; kekurangan infrastruktur dan perkhidmatan; cabaran dalam pembangunan inklusif; serta kekurangan kerjasama dan ketidakcekapan penyampaian perkhidmatan.

Justeru, KPT secara proaktif berusaha menambah baik serta meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi bagi rakyat Sarawak dengan:

- (i) **Meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan serta meningkatkan jaringan kolaborasi industri** bagi membuka peluang pekerjaan yang lebih besar, menambah pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan di Sarawak;
- (ii) **Menyediakan peluang dalam pembangunan modal insan** di mana infrastruktur, peralatan dan program akademik di IPT sedia ada akan ditambah baik dan disesuaikan dengan keperluan setempat bagi memberikan lebih banyak peluang kepada komuniti setempat untuk melanjutkan pengajian ke IPT;

- (iii) **Memperkuh pelaksanaan pembelajaran jarak jauh bagi menambah baik proses dan akses kepada PdP bagi pelajar IPT dan institusi TVET;**
- (iv) **Menggalakkan institusi TVET bekerjasama dengan industri untuk memanjangkan tempoh latihan atau penempatan industri**, agar industri memperoleh tenaga kerja mahir dengan kos yang berpatutan dan pelajar akan mendapat pengalaman bekerja; dan
- (v) **Menaik taraf makmal dan bengkel sedia ada di institusi TVET kepada *Institution-Industry Lab (IIL)*** melalui kaedah pemilikan bersama antara beberapa institusi TVET dan industri terpilih. Penubuhan IIL akan memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak dari segi pemindahan dan perkongsian pengetahuan, kemahiran dan teknologi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jelaskan apakah yang dilakukan oleh Kementerian bagi menggalakkan perkongsian antara universiti penyelidikan untuk menghasilkan ciptaan bertaraf dunia, dan mengelakkan saingan yang tidak sihat di antara mereka.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa menggalakkan perkongsian dan kerjasama antara Universiti Penyelidikan untuk menghasilkan ciptaan bertaraf dunia. Dalam hubungan ini, KPT telah **membangunkan sistem penarafan peringkat nasional, iaitu Malaysia Research Assessment (MyRA)**, yang diujarkan dengan QS World University Rankings untuk mengukur peningkatan kualiti IPT.

Antara indikator yang terlibat dalam penilaian penarafan ini ialah kualiti program yang ditawarkan, tadbir urus yang baik, sistem pengurusan berkualiti, pengurusan pelajar antarabangsa, kebajikan pelajar, kualiti dan kuantiti penyelidik serta penyelidikan, inovasi serta jaringan dan jangkauan. Sistem penarafan ini secara langsung telah meningkatkan daya saing yang sihat antara Universiti Penyelidikan khususnya dalam usaha menghasilkan penemuan yang terbaik dan berkualiti, melalui pewujudan instrumen yang mengambil kira kerjasama antara universiti penyelidikan. Dalam tempoh 2016 hingga 2020, terdapat sebanyak 1,523 kerjasama telah dilaksanakan.

Selain itu, **Kementerian juga telah mewujudkan jalinan kerjasama antara tiga Pusat Kecemerlangan dari IPT berbeza di bawah Program Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP)**. Di bawah inisiatif ini, perkongsian kepakaran adalah tidak tertakluk kepada universiti penyelidikan semata-mata. Langkah ini bagi memantapkan kerjasama antara kumpulan penyelidik dalam penciptaan inovatif dan terkehadapan dalam bidang-bidang strategik. Untuk makluman, aspek jaringan kolaborasi turut dijadikan sebagai salah satu daripada *Key Performance Indicators* (KPI) dalam program KKP bagi memastikan polisi dan ciptaan yang dihasilkan adalah bertaraf dunia dan dapat memberikan impak yang positif kepada komuniti dan negara.

Untuk makluman ahli dewan juga, Program Konsortium ini diwujudkan bagi melatih setiap KKP ke arah mendapat **penarafan *Higher Institution Center of Excellence (HICoE)***. Penarafan HICoE diluluskan di peringkat

NO. SOALAN : 28

KPT untuk memberikan pengiktirafan kepada institut/pusat penyelidikan yang terbaik di Malaysia. HICoE mempunyai KPI yang lebih tinggi termasuk KPI Jaringan Kolaborasi antara universiti. HICoE digalakkan untuk lebih giat menjalankan kerjasama dengan institusi dan agensi luar negara agar penyelidik dapat didedahkan dengan idea-idea baharu dan ciptaan yang lebih kompleks supaya pengetahuan tersebut dapat disumbangkan mengikut keperluan negara.

KKP dan HICoE diberi penarafan mengikut bidang strategik yang telah ditetapkan selaras dengan *Sustainable Development Goals* (SDG). Dalam hubungan ini, proses permohonan yang ketat dijalankan bagi memastikan penarafan diberikan kepada Pusat Kecemerlangan yang benar-benar layak dan berpotensi bagi mengelakkan saingan yang tidak sihat antara Pusat Kecemerlangan. Prestasi KKP dan HICoE juga dinilai secara dwi-tahunan oleh panel penilai yang berkepakaran serta mampu berkongsi idea dan nasihat yang bernas bagi meningkatkan prestasi dalam setiap tempoh pemantauan yang dijalankan oleh Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ
SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]
TARIKH : 06 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan maklumat berhubung wang yang telah dibelanjakan dan peruntukan yang belum dibelanjakan menerusi Pakej Bantuan dan Rangsangan Ekonomi PEMULIH sebanyak RM380 bilion yang diumumkan Perdana Menteri ke-8 khususnya manfaat kepada golongan sasaran B40 terutamanya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 19 November 2021, daripada keseluruhan lapan (8) Pakej Bantuan dan Rangsangan Ekonomi, sejumlah RM352 bilion telah disalurkan. Dari jumlah ini, lebih 20 juta individu dan 2.4 juta perniagaan di Malaysia telah mendapat manfaat.

Lanjutan itu, bagi memastikan kelangsungan hidup rakyat sentiasa terbela, Kerajaan telah mengumumkan beberapa bentuk bantuan dan sokongan seperti:

1. Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) berjumlah RM9.6 bilion telah memanfaatkan 8.5 juta individu penerima bagi tahun 2021;
2. Bantuan Sara Hidup (BSH) Kerajaan berjumlah RM426 juta telah memanfaatkan 4.2 juta penerima;
3. Bantuan Khas COVID-19 (BKC) kepada isi rumah kategori miskin tegar, B40 dan M40 berjumlah RM3.1 bilion telah memanfaatkan lebih 9 juta penerima;
4. Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP) bagi individu yang kehilangan sumber pendapatan berjumlah RM420 juta ringgit telah memanfaatkan 841 ribu penerima; dan
5. Program Bakul Makanan berjumlah RM150 juta ringgit telah memanfaatkan lebih daripada 600 ribu individu termasuk 63 ribu isi rumah dari kalangan masyarakat Orang Asli; dan
6. Bantuan Barangan Dapur berjumlah RM100 juta telah memanfaatkan lebih daripada 216 ribu isi rumah.

Kerajaan turut prihatin akan kebajikan hidup rakyat mendepani tempoh yang sukar ini dengan mengumumkan beberapa bentuk bantuan dan sokongan seperti:

1. Program Klinik Bergerak berjumlah RM40 juta telah diperuntukkan dan RM10 juta kepada tiga (3) buah hospital bagi tujuan penyediaan perkhidmatan klinik bergerak di kawasan PPR dan perumahan awam bagi memudahkan rawatan golongan yang kurang berkemampuan serta pesakit kronik dan uzur;
2. Program Baucar Pelindungan Tenang berjumlah RM50 juta bagi membantu golongan B40 membeli produk takaful hayat dan kemalangan diri;
3. Skim Kesihatan PEKA B40 berjumlah RM50 juta telah memanfaatkan lebih 327 ribu individu;
4. Tabung Cerdik telah dilancarkan bagi memberi peranti kepada pelajar oleh GLIC dan GLC berjumlah RM150 juta telah memanfaatkan lebih 150 ribu pelajar; dan
5. Skim Perlindungan MySalam berjumlah lebih RM61 juta telah disalurkan kepada lebih 127 ribu individu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terdapat juga bantuan-bantuan lain seperti pembiayaan dan pemberian moratorium pinjaman kepada rakyat bagi memberikan kelegaan segera sepanjang tahun 2021 ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memudahkan proses permohonan kemasukan sekolah termasuk pembaharuan setiap tahun (untuk anak bukan warganegara) bagi sekolah bantuan Kerajaan dan swasta memandangkan ia adalah secara manual bermula dari mengisi borang fizikal dan pembayaran menggunakan wang pos setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelayakan permohonan dan proses penerimaan masuk kanak-kanak bukan warganegara ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

KPM menyedari bahawa salah satu langkah pencegahan pandemik COVID-19 yang melanda negara adalah mengurangkan pelaksanaan aktiviti secara bersemuka. Sehubungan dengan itu, mulai bulan Januari 2022, borang Jadual Pertama P.U.(A)275 (Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara Ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan) yang

SOALAN NO : 30

wajib diisi bagi permohonan kemasukan murid bukan warganegara ke sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan boleh diperolehi di portal rasmi KPM selain daripada semua jabatan pendidikan negeri (JPN). Pemohon juga boleh mengembalikan borang berkenaan yang telah dilengkapi melalui emel ke JPN. Borang permohonan berkenaan hanya perlu dilengkapi sekali sahaja. Pegawai yang bertanggungjawab di JPN akan menghubungi pemohon bagi menetapkan tarikh untuk pemohon hadir bagi tujuan semakan dokumen-dokumen asal seperti pasport, permit kerja dan pas pengajian. Semakan ini perlu dilakukan untuk memastikan hanya mereka yang memenuhi kategori yang dibenarkan sahaja dipertimbangkan untuk kelulusan. Keputusan permohonan juga akan dimaklumkan melalui emel kepada pemohon.

Berhubung kaedah pembayaran fi secara wang pos, KPM ingin memaklumkan bahawa pembayaran juga boleh dibuat secara tunai. Pembaharuan pendaftaran pula hanya dilaksanakan melalui pembayaran fi pada setiap awal tahun. Walau bagaimanapun, KPM meneliti cadangan untuk menyediakan kaedah pembayaran yang lebih mudah iaitu secara dalam talian.

Proses permohonan kemasukan murid ke sekolah swasta pula boleh dilakukan secara manual atau dalam talian bergantung kepada kaedah yang ditentukan oleh sekolah masing-masing. Terdapat sekolah swasta yang menyediakan kemudahan permohonan kemasukan secara dalam talian termasuk urusan pendaftaran dan pembayaran.

KPM yakin syarat-syarat kelayakan dan prosedur permohonan sedia ada tidak akan menimbulkan sebarang kesulitan kepada pemohon. KPM juga akan meneliti dan menambahbaik proses sedia ada dari semasa ke semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK (SEREMBAN)

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status penggabungan MAVCOM dan CAAM dan bilakah rang undang-undang yang berkaitan akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan proses rasionalisasi ini dilaksanakan dengan lancar, Kementerian Pengangkutan pada tahun 2020 telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Rasionalisasi Badan Kawal Selia Di Bawah Satu Entiti (Pasukan Petugas Khas) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Unit Penyelarasan Pelaksanan, Jabatan Perdana Menteri serta kementerian/agensi pusat berkaitan.

Penubuhan Pasukan Petugas Khas ini bertujuan untuk membincangkan secara terperinci struktur, fungsi, bidang kuasa, serta implikasi perjawatan, kewangan dan perundangan ekoran pembubaran MAVCOM dan pemindahan fungsi MAVCOM kepada CAAM.

NO. SOALAN : 31

Pasukan Petugas Khas ini bertanggungjawab untuk memastikan pelan rasionalisasi ini dilaksanakan secara teratur mengikut skop tugas masing-masing termasuk menyelesaikan isu-isu berbangkit seperti kecekapan urus tadbir, kualiti penyampaian perkhidmatan, kerenah birokrasi, kebajikan kakitangan MAVCOM sedia ada, serta memastikan peraturan-peraturan yang akan dikenakan oleh CAAM kelak, sebagai sebuah badan kawal selia ekonomi dan teknikal, adalah mesra perniagaan dan pelaburan.

Mesyuarat Pasukan Petugas Khas telah bersidang sebanyak lima (5) kali iaitu pada 10 Januari 2020, 23 Jun 2020, 19 Oktober 2020, 30 Mac 2021 dan 30 November 2021.

Mengikut perancangan, sekiranya Jemaah Menteri bersetuju dengan MJM mengenai fungsi-fungsi entiti baharu CAAM, RUU merangkumi pembubaran MAVCOM, pemansuhan Akta 771 MAVCOM dan pindaan Akta 788 CAAM dijadual untuk dibentangkan pada tahun 2022. Hal ini mengambilkira kompleksiti pindaan terhadap Akta 771 MAVCOM, Akta 788 CAAM dan Akta Penerbangan Awam 1969 (Akta 3) yang akan melibatkan pindaan substantif secara besar-besaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT]
TARIKH : 06 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status *Central Credit Reference Information System(CCRIS)-Web Base Online System* yang Bank Negara Malaysia bangunkan,dan mengapakah ada kelewatan pada projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Central Credit Reference Information System-Web Based Online System atau lebih dikenali dengan nama singkatnya eCCRIS merupakan platform yang dibangunkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memudahkan orang ramai membuat semakan laporan CCRIS mereka secara atas talian, di mana-mana sahaja dan pada bila-bila waktu.

eCCRIS ini telah mula beroperasi sejak Januari 2018 dan masih berterusan sehingga ke hari ini. Sejak ia mula beroperasi, eCCRIS telah melalui beberapa fasa penambahbaikan termasuklah infrastruktur teknikal untuk memastikan ia dapat beroperasi di tahap yang optimum.

Sejajar dengan inisiatif BNM untuk mendigitalkan perkhidmatan kewangan dan memanfaatkan inovasi dan teknologi, eCCRIS kini sedang melalui satu lagi fasa penambahbaikan. Proses penambahbaikan eCCRIS ini, walau bagaimanapun tidak menjejaskan operasi eCCRIS memandangkan proses sedia ada untuk mendaftar akaun eCCRIS dan mendapatkan laporan CCRIS melalui eCCRIS masih tersedia seperti biasa.

Kaedah baharu yang lebih cekap dan pantas bakal diperkenalkan di mana orang ramai yang memiliki perbankan dalam talian (atau '*online banking*') dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia boleh mendaftar akaun eCCRIS mereka tanpa perlu menyediakan dokumen pengesahan atau hadir ke pejabat BNM atau Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Untuk tujuan itu, eCCRIS akan berintegrasi dengan platform dalam talian yang digunapakai oleh institusi kewangan di Malaysia dan ia dijangka akan selesai menjelang suku pertama tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pensyarah dan pelajar di IPTA yang masih belum terima vaksinasi COVID-19.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Berhormat sedia maklum, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melaksanakan Fasa Pembukaan Kampus secara berperingkat mulai 15 Oktober 2021 yang lalu. Dalam hubungan ini, hanya warga IPT yang telah lengkap dos vaksin dan melepasi tempoh matang vaksinasi dibenarkan kembali ke kampus atau menghadiri sesi pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka.

Sebagai persiapan awal kepada perkara ini, KPT telah pun memulakan gerakan untuk memastikan semua warga IPT divaksin sepenuhnya sejak Ogos 2021. Bagi menjayakan usaha ini, KPT turut mendapat kerjasama daripada Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah memberikan akses secara *walk-in* kepada pelajar dan kakitangan IPT di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermula 9 September 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada IPT sehingga 30 Oktober 2021, seramai 1,101,779 orang daripada keseluruhan populasi IPT telah divaksin sepenuhnya. Walau bagaimanapun, baki seramai 168,000 orang yakni dalam 15 peratus daripada keseluruhan populasi warga IPT masih belum divaksin atas faktor kesihatan dan masih belum bersedia untuk menerima vaksin.

Langkah susulan seperti sesi kaunseling dan taklimat khas yang menjelaskan tentang kepentingan pengambilan vaksin serta penerangan kepada golongan terbabit bahawa vaksinasi tidak membawa keburukan akan diadakan secara berterusan bagi memastikan semua warga IPT divaksin sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan melalui Dasar Mineral Negara 2021 telah mensasarkan 5 mineral strategik negara iaitu NR-REE, Bauksit, Bijih Timah, Pasir Silika dan Kaolin. Apakah jaminan Kerajaan dalam memastikan industri ini benar-benar mengikuti prinsip kemampanan.

JAWAPAN

1. Di dalam Kerangka Pelan Transformasi Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030) yang telah dilancarkan pada 22 April 2021, kerajaan telah mensasarkan bagi membangunkan industri berasaskan mineral strategik seperti unsur nadir bumi bukan radioaktif (*Non-Radioactive Rare Earth Elements – NR-REE*), bauksit, bijih timah, pasir silika dan kaolin secara mampan. Kerangka Pelan TIM 2021-2030 ini telah menggariskan halatuju kerajaan untuk meningkatkan sumbangan industri mineral kepada usaha pembangunan negara dengan mematuhi prinsip kemampanan dan kelestarian alam sekitar. Pelan tersebut telah menggariskan 5 teras utama iaitu:

Teras 1: Tadbir Urus dan Perundangan;

Bertujuan memperkasakan sistem tadbir urus dan perundangan sedia ada seperti Akta Pembangunan Mineral 1994, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994, Enakmen dan Ordinan Mineral Negeri-Negeri, Peraturan-peraturan Mineral Negeri

bagi tujuan penyelarasan berkaitan industri mineral antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Teras 2: Pembangunan Rantaian Nilai Industri Mineral;

Bertujuan membangunkan keseluruhan nilai rantaian aktiviti industri mineral yang menghubungkan antara satu sama lain melalui penstrukturan sektor hulu, pertengahan dan hiliran.

Teras 3: Inventori dan Pemetaan Sumber Mineral;

Bertujuan mewujudkan pangkalan data sumber mineral negara yang lengkap bagi tujuan pengenalpastian potensi sumber mineral yang sesuai untuk diusahakan.

Teras 4: Teknologi dan Inovasi;

Membangunkan teknologi dan mempergiat hasil inovasi supaya negara bersedia untuk memperkembangkan lagi bidang industri mineral terutama di peringkat pertengahan dan hiliran.

Teras 5: Pembangunan Modal Insan.

Bertujuan memperkukuhkan kemahiran modal insan di sektor lombong dan kuari melalui program akreditasi dan pensijilan.

2. Kementerian juga amat memahami sensitiviti orang awam dan Pihak Berkuasa Negeri dalam hal berkaitan tanah, sumber mineral dan alam sekitar. Setakat ini, Kementerian telah menggubal dokumen Prosedur Operasi Standard khusus bagi NR-REE dan bauksit bertujuan mengawal selia aktiviti perlombongan agar dapat dijalankan dengan bertanggung jawab dan mampan.

3. Kementerian yakin Pelan TIM 2021-2030 dapat membantu dalam memastikan industri mineral negara dimajukan dengan mematuhi prinsip kemampanan dan kelestarian alam sekitar. Sesi libat urus juga akan sentiasa dijalankan oleh pihak Kementerian bersama semua pemegang taruh dalam memperkenalkan dasar-dasar, hala tuju baharu dan perundangan di peringkat Persekutuan dan Negeri berkaitan pembangunan industri mineral seperti Pelan TIM 2021-2030 terutamanya apabila melibatkan industri berasaskan mineral strategik. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN
WAN CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 06 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sebarang perancangan atau jalinan kerjasama khusus pelancongan dan kebudayaan digital dalam berdepan dengan keterbatasan medium persembahan contohnya pameran seni visual, kebudayaan seperti mana kerjasama antara UNWTO dan Netflix sebagai usaha pendigitalisasi memandangkan aktiviti sosial tidak dibenarkan biarpun sempadan dibuka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) turut memberi tumpuan terhadap penggunaan platform digital terutamanya dalam meneruskan usaha memartabat seni, budaya dan warisan semasa pandemik COVID-19. Dalam hal ini, MOTAC telah mengaturkan usaha-usaha di bawah Jabatan dan Agensi di bawah seliaannya agar mempelbagaikan program digital serta pendekatan yang inovatif serta mengadakan jalinan kerjasama dan hubungan strategik dengan pihak luar.
2. Menerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia), pelbagai inisiatif digitalisasi telah dilaksanakan bagi manfaat usahawan kraf dalam mendepani pandemik COVID-19. Pelan pemulihan digitalisasi khususnya untuk pemasaran dan promosi produk kraf tempatan serta membangun dan memperkasakan usahawan kraf bagi menyokong industri dilaksanakan agar terus mampan dan berdaya saing.
3. Antara inisiatif digitalisasi bagi memasar serta memperkasakan usahawan kraf yang dilaksanakan oleh Kraftangan Malaysia termasuklah pembangunan platform digital E-Kraf Bazar, MYCRAFTSHOPPE dan CraftOnTheGo. Program Virtual Hari Kraf Kebangsaan (VHKK) 2021 turut diadakan, iaitu sambutan VHKK berkonsepkan Expo Maya secara maya. Antara aktiviti VHKK termasuklah jualan dan pameran produk kraf, padanan perniagaan, demonstrasi kraf dan masakan serta webinar.
4. Kraftangan Malaysia turut menganjurkan Kursus Keusahawanan dan Pemasaran (Pengukuhan Pemasaran Digital) untuk memperkasakan usahawan dengan pengetahuan serta kemahiran penggunaan platform perniagaan digital. Kolaborasi bersama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dijalinan bagi tujuan ini.

NO. SOALAN : 35

5. Istana Budaya turut berusaha dalam mengadakan persembahan yang boleh disaksikan secara maya. Antara persembahan yang dipertontonkan secara maya adalah kerjasama dengan produksi tempatan untuk persembahan Kugiran Masdo. Usaha ini akan diteruskan dan antaranya adalah Orkestra Tradisional Malaysia - *Colors of Malaysia* persembahan bersama Orkestra Simfoni Kebangsaan.

6. Selain daripada itu, Balai Seni Negara telah menampilkan platform perkongsian karya yang disediakan kepada penggiat-penggiat seni iaitu portal *Go Gallery*, melibatkan lebih daripada 1,500 orang penggiat seni. Di samping itu, portal Jejak Seni Malaysia yang memetakan lokasi-lokasi dan karya seni awam di serata negara. Kini, terdapat lebih daripada 1,000 maklumat telah tersedia dan akan berkembang dari semasa ke semasa.

7. Arkib Negara Malaysia (Arkib) telah melaksanakan Projek Galeri Maya dengan kerjasama penggiat seni di beberapa Arkib Memorial atau Pustaka di bawah seliaannya bagi memberi peluang kepada pelawat untuk menganjungi pameran secara maya.

8. Inisiatif dan program-program ini adalah antara contoh usaha yang telah dilaksanakan oleh MOTAC dan agensi-agensinya di bawah seliaannya. Dengan aktiviti kebudayaan telahpun dibenarkan untuk kembali beroperasi semula secara fizikal dengan pematuhan SOP dan norma baharu, penggunaan teknologi akan terus diguna secara kreatif sebagai salah satu medium penyampaian persembahan budaya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
(LEDANG)**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan impak manfaat bagi langkah yang telah diambil Kementerian untuk menyelesaikan isu Ketersambungan Batuan Pertama dan Akhir pengangkutan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar pengangkutan awam menjadi pilihan utama mod pengangkutan di negara ini. Justeru, beberapa inisiatif telah diambil Kerajaan dalam usaha meningkatkan ketersambungan batuan pertama dan akhir pengangkutan awam. Perkhidmatan pengangkutan awam yang melibatkan batuan pertama dan terakhir adalah terdiri dari perkhidmatan bas, teksi dan e-hailing.

Bagi memastikan kesalinghubungan perkhidmatan bas kepada rakyat, Kerajaan telah menyediakan perkhidmatan bas 'MyBAS' di 4 ibu negeri iaitu Kangar, Ipoh, Seremban dan Kuala Terengganu. Perkhidmatan MyBas ini juga akan dikembangkan ke Johor Bahru pada tahun hadapan. Selain itu, Kerajaan juga memberi bantuan sokongan dana menerusi program Dana Sementara Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (ISBSF) kepada 54 pengendali bas yang menjalankan perkhidmatan

bas berhenti-henti di seluruh Semenanjung Malaysia agar perkhidmatan bas terutamanya di laluan-laluan sosial luar bandar tidak terjejas.

Selain itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan Pas Bulanan Tanpa Had My30 bagi perkhidmatan rel dan bas kendalian RapidKL. Di Pulau Pinang pula, Pas Mutiara My30 berkonsepkan yang sama juga diperkenalkan bagi perkhidmatan bas RapidPenang manakala Pas Lestari My30 turut diperkenalkan di Kuantan bagi perkhidmatan bas RapidKuantan, sekaligus membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

Perkhidmatan teksi dan e-hailing iaitu tempahan kenderaan secara atas talian merupakan pelengkap kepada jaringan pengangkutan awam dari segi perjalanan batuan pertama dan akhir. Sesuai dengan arus perubahan teknologi semasa, perkhidmatan e-hailing mempunyai liputan lebih meluas dan dapat memenuhi permintaan pelanggan dengan lebih baik berbanding kaedah tradisional (tahanan tepi jalan atau di pengkalan). Pada masa yang sama, perkhidmatan teksi atau kereta sewa tradisional juga dibenarkan untuk menggunakan platform e-hailing untuk memastikan mereka terus berdaya saing selari dengan perkembangan teknologi di dalam memberikan kemudahan kepada pengguna.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilakah Majlis Media yang dijanjikan akan dibentukkan supaya dapat mempertahankan Perlembagaan Persekutuan Artikel 10 tentang kebebasan bersuara, berkumpul dan berpersatuan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memberikan hak setiap warganegara untuk memiliki kebebasan bersuara, berkumpul dan berpersatuan. Walau bagaimanapun, hak tersebut bukanlah mutlak dan masih tertakluk kepada undang-undang negara yang berkuat kuasa di Malaysia.

Berdasarkan prinsip ini, penelitian mendalam dan perbincangan secara komprehensif dengan semua pemegang taruh dan rujukan ke atas pelbagai perundangan domestik perlu dilaksanakan sebelum penubuhan Majlis Media Malaysia yang dicadangkan dapat dipertimbangkan.

Hal ini adalah demi memastikan agar kebebasan bersuara, berkumpul dan berpersatuan melalui Majlis Media Malaysia tidak menjejaskan kedaulatan, keamanan, kestabilan dan keharmonian di negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]**
TARIKH : **06 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan melanjutkan program moratorium tanpa faedah kepada peniaga atau sesetengah golongan peniaga dan apakah kos yang dijangka terlibat untuk program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada 14 Oktober 2021, industri perbankan telah mengumumkan Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (atau URUS) bagi golongan kumpulan pendapatan 50 peratus terbawah (atau B50). B50 merupakan isi rumah berpendapatan sehingga 5,880 ringgit sebulan yang masih terkesan akibat pandemik COVID-19. Program yang menyeluruh ini bukan sahaja membantu peminjam membuat pembayaran balik pinjaman mengikut kemampuan mereka, malah peminjam juga mendapat manfaat menerusi nasihat pengurusan kewangan yang boleh meningkatkan daya tahan kewangan mereka dalam jangka masa panjang. Menerusi program ini, peminjam golongan B50 yang memenuhi syarat akan mendapat pengecualian faedah selama tiga bulan dan juga pilihan untuk mengurangkan bayaran ansuran pinjaman sehingga 24 bulan secara keseluruhannya.

Bagi peminjam lain, termasuk golongan peniaga yang juga terkesan dan memerlukan bantuan bayaran balik pinjaman selepas pakej PEMULIH tamat, bank-bank akan terus menyediakan pakej bantuan, termasuk pengurangan bayaran ansuran bulanan mengikut kemampuan peminjam. Di samping itu, peminjam juga boleh memohon pelbagai program yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (atau AKPK), seperti Program Pengurusan Hutang (atau dengan izin, *Debt Management Programme*), Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (atau *Small Debt Resolution Scheme*) dan Skim Sokongan Daya Tahan Kewangan (atau *Financial Resilience Support Scheme*). Program-program ini dilaksanakan dengan kerjasama dan sokongan institusi perbankan dan mempunyai ciri-ciri seperti ansuran bulanan yang boleh dikurangkan dengan pelanjutan tempoh bayaran balik dan program sokongan daya tahan kewangan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan juga ingin menekankan bahawa bantuan bayaran balik pinjaman boleh dipertimbangkan kepada semua peminjam yang terjejas berdasarkan permohonan mereka. Sehingga kini, permohonan masih dibuka kepada peminjam yang memerlukan dan mereka hanya perlu menghubungi bank masing-masing. Sekiranya peminjam menghadapi kesukaran semasa berurusan dengan pihak bank atau permohonan bantuan bayaran balik pinjaman ditolak, mereka boleh menghubungi Bank Negara Malaysia secara terus melalui BNM TELELINK.

Berdasarkan unjuran awal bagi program URUS, sekitar 1 juta peminjam B50 dijangka menerima bantuan yang akan melibatkan nilai faedah yang dikecualikan sekitar 1 bilion ringgit. Berdasarkan persekitaran ekonomi yang semakin pulih, terdapat kemungkinan jumlah permohonan program ini adalah lebih kecil daripada yang dijangkakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**
[PERMATANG PAUH]
TARIKH : **06 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha mewujudkan cukai progresif seperti cukai durian runtuh tersasar, cukai warisan, dan cukai keuntungan modal ke atas dividen syarikat tersenarai dan tidak tersenarai di Bursa Malaysia berjumlah RM1 juta dan ke atas, bagi menampung beban perbelanjaan kesihatan awam pasca-COVID.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Kerajaan hanya mengenakan dua jenis cukai, iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung.

Secara amnya cukai langsung terdiri dari cukai pendapatan syarikat dan individu, termasuklah cukai pegangan ke atas pendapatan yang diperolehi dari Malaysia oleh mana-mana bukan pemastautin, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem. Manakala, cukai tidak langsung pula terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi keuntungan luar biasa atau dengan izin *windfall levy*.

Untuk makluman Yang Ahli Berhormat juga, setakat ini, Kerajaan belum melaksanakan kaedah percukaian alternatif, seperti cukai durian runtuh tersasar, cukai warisan, dan cukai keuntungan modal. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa langkah cukai untuk meningkatkan hasil Kerajaan yang telah diumumkan dalam Bajet 2022. Ini termasuklah cadangan menamatkan pengecualian cukai ke atas pendapatan pemastautin yang diremitkan atau dibawa masuk ke dalam Malaysia mulai 1 Januari 2022.

Bagi memberi kemudahan kepada pembayar cukai, Kerajaan akan memberikan konsesi ke atas pendapatan kasar remitan yang dibawa balik ke Malaysia dalam tempoh enam bulan mulai 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022, yang mana akan hanya dikenakan cukai pada kadar 3 peratus. Dengan kata lain, pengenaan cukai minimum ini juga seumpama melaksanakan *voluntary disclosure*, iaitu menggalakkan pembayar cukai membawa balik dana dengan segera dalam tempoh yang diberikan bagi mengambil peluang menikmati cukai pada kadar 3 peratus sahaja.

Selain itu, Kerajaan juga telah mencadangkan pengenaan Cukai Makmur yakni cukai secara *one-off* bagi tahun taksiran 2022 sahaja. Pengenaan cukai ini hanya tertumpu kepada perniagaan yang mendapat

keuntungan di mana pendapatan bercukainya adalah melebihi 100 juta ringgit dan tidak melibatkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

Di samping itu, Kerajaan mendapati pengenaan Cukai Makmur ini lebih bersifat adil dan mudah dilaksanakan. Ia membolehkan Kerajaan mengutip hasil tambahan dari syarikat berkeuntungan tinggi dan dana ini akan digunakan untuk mempercepatkan pelaksanaan program pemulihan selain daripada mengukuhkan sistem kesihatan awam bagi menghadapi sebarang cabaran pada masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telah mencadangkan kenaikan kadar duti setem dari 0.1 sehingga 0.15 peratus bagi nota kontrak jual-beli saham tersenarai di Bursa Malaysia, berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022. Kenaikan kadar duti setem ini akan diimbangi dengan pengecualian cukai perkhidmatan sebanyak 6 peratus ke atas perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham tersenarai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berkenaan rancangan jangka masa panjang bagi kelestarian kewangan PTPTN.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pengajian Tinggi melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ada menyediakan perkhidmatan menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi. Pada masa ini, model pembiayaan pinjaman yang diguna pakai oleh PTPTN amat bergantung kepada prestasi bayaran balik pinjaman sebagai sumber utama dana untuk membiayai pinjaman sedia ada dan baharu. Dalam hubungan ini, PTPTN dari semasa ke semasa merangka beberapa strategi bagi memastikan kelestarian dana pembiayaan PTPTN. Antaranya adalah:

- (i) Memperhebat strategi meningkatkan bayaran balik pinjaman dengan mempelbagaikan saluran strategik dan inovatif.** Bagi maksud ini, pelbagai platform pembayaran disediakan bagi memudahkan peminjam membuat pembayaran balik. Ini termasuklah

melalui kaunter, potongan gaji bulanan, perbankan internet dan secara dalam talian;

- (ii) Memberikan insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN.** Dalam Belanjawan 2022 pada 29 Oktober 2021, Kerajaan telah mengumumkan pemberian insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN sebanyak **10 hingga 15 peratus** bermula pada 1 November 2021 hingga 30 April 2022 kepada peminjam yang layak;
- (iii) Melaksanakan perkongsian data dalam kalangan agensi** bagi memperhebat kutipan bayaran balik dalam kalangan mereka yang berada di sektor swasta dan bekerja sendiri. Bagi maksud ini, kerjasama telah dilaksanakan dengan beberapa buah agensi seperti Jabatan Akauntan Negara (JAN), Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT), Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan majikan swasta untuk membolehkan para peminjam membuat pembayaran balik melalui potongan gaji;
- (iv) Menjalin kerjasama strategik dengan kerajaan negeri dalam menjayakan kempen bayaran balik pinjaman.** Terkini, ialah Insentif Bayaran Balik Pinjaman PTPTN Anak Sarawak oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Melalui Yayasan Sarawak, peminjam anak Sarawak yang telah membuat bayaran sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah keseluruhan pinjaman diberikan pengurangan 30 peratus lagi ke atas pinjaman mereka yang masih berbaki; dan
- (v) Mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan menerusi galakan simpanan pendidikan melalui akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 06 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a)apakah Kementerian bercadang untuk mengecualikan Pusat Hiburan Taman Tema Keluarga dari Cukai Hiburan 1953,memandangkan Pusat Hiburan Taman Tema tidak mengaut keuntungan yang tinggi dan cukai tersebut amat membebankan; dan
- (b)apakah Kerajaan juga akan memberikan double tax relief kepada mereka apabila mula beroperasi selepas PKP untuk perbelanjaan sanitasi, COVID test kit, ujian RTK Antigen bagi para pekerja dan juga pematuhan SOP yang akan menelanbelanja yang besar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Duti Hiburan 1953, duti hiburan boleh dikenakan ke atas apa-apa aktiviti hiburan seperti pameran, persembahan pentas, taman tema serta pusat permainan atau sukan, di mana orang ramai dibenarkan masuk dengan bayaran. Kerajaan Persekutuan pernah mengecualikan taman tema daripada kelas hiburan yang tertakluk kepada kenaaan duti hiburan berkuatkuasa mulai 22 Disember 2005. Pengecualian tersebut adalah bertujuan untuk menggalakkan perkembangan industri taman tema di negara ini pada masa itu.

Namun begitu, pengecualian berkenaan telah turut menjejaskan hasil negeri memandangkan duti hiburan merupakan hasil yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan Jadual Kesepuluh, Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, pengecualian tersebut telah ditamatkan berkuatkuasa mulai 2 Januari 2014 memandangkan Malaysia telah berjaya menarik kemasukan taman tema antarabangsa seperti Legoland.

Bagi membantu pemulihan sektor pelancongan pasca pandemik COVID-19, pengecualian duti hiburan telah diberikan bagi semua jenis hiburan yang diadakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya sejak 1 April 2021 sehingga 31 Disember 2021, dan kemudiannya dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022 melalui pengumuman Bajet 2022.

Sepertimana yang dilaksanakan di negeri-negeri seperti Selangor, Melaka, Johor dan Pulau Pinang, Kerajaan Negeri lain juga disaran mengambil inisiatif yang sama untuk turut mengecualikan duti hiburan di negeri masing-masing bagi membantu pengusaha taman tema yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Berhubung dengan *tax relief*, dengan izin, ke atas perbelanjaan berkaitan dengan COVID-19, untuk makluman Ahli Yang Berhormat

NO SOALAN : 41

dalam Pakej PERMAI, Kerajaan telahpun mengumumkan pemberian potongan cukai ke atas bayaran ujian pengesanan COVID-19 yang ditanggung majikan. Seterusnya, melalui Pakej PEMERKASA, potongan cukai tambahan telah diberikan ke atas bayaran ujian pengesanan COVID-19 yang ditanggung majikan. Kemudahan ini akan berlangsung sehingga 31 Disember 2021.

Majikan yang menuntut potongan cukai tersebut hendaklah mengemukakan resit dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia atau pengamal perubatan yang berdaftar di luar Malaysia bahawa ujian pengesanan COVID-19 telah dibuat ke atas pekerjaanya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.
RAMLI [LUMUT]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada IPT Awam akan meneruskan pengajaran dalam talian selepas pandemik COVID-19 pulih serta menggariskan peratusan pembahagian masa antara waktu pengajaran dalam talian berbanding secara fizikal dan kesannya terhadap kos pengajian.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pada masa kini, Prosedur Pengoperasian Sektor Pendidikan Tinggi menetapkan agar semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) melaksanakan PdP secara hibrid. PdP hibrid menggabungkan kaedah secara bersemuka dan dalam talian. Pendekatan ini membolehkan pelajar di kampus menjalani PdP secara bersemuka dengan pematuhan SOP yang ketat di samping PdP secara dalam talian yang diteruskan bagi kursus yang bersesuaian. Dalam masa yang sama, semua aktiviti PdP secara bersemuka dan berkumpulan juga telah dibenarkan.

Dalam hubungan ini, kaedah pembelajaran hibrid didapati bersesuaian dan menyokong pelajar dari pelbagai latar belakang dan keperluan pembelajaran. Jadinya, PdP secara hibrid akan terus dilaksanakan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan. Bagi peratusan masa, KPT memberikan fleksibiliti kepada IPT untuk menentukan kaedah PdP mengikut keperluan dan kesesuaian masing-masing.

Berkenaan dengan yuran pula, pada 14 September 2021 yang lalu, KPT telah mengumumkan inisiatif pengurangan yuran sebanyak 20 peratus bagi Semester Pertama Sesi Akademik 2021/2022 kepada semua pelajar di Universiti Awam (UA). Inisiatif pengurangan yuran yang melibatkan anggaran nilai berjumlah RM175 juta ini dijangka memberikan manfaat kepada kira-kira 555,340 pelajar warganegara Malaysia di setiap peringkat pengajian bermula dari peringkat Asasi sehingga ke peringkat Pasca Siswazah. Ia juga turut merangkumi pengajian sepenuh dan separuh masa.

Suka saya kongsi di sini bahawa pengurangan yuran pelajar sebanyak 20 peratus pada kali ini adalah lebih luas kerana ia melibatkan pengurangan kepada semua jenis yuran yang dikenakan oleh UA. Ini meliputi Yuran Pendaftaran, Yuran Pengajian, Yuran Asrama, Yuran Perkhidmatan, Yuran Perpustakaan, Yuran Aktiviti Pelajar, Yuran Alumni, Yuran Kesihatan dan Insurans, Yuran Kebajikan dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 06 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan baki terkini hutang-hutang legasi peninggalan 1MDB serta jumlah perbelanjaan Kerajaan setakat ini untuk menanggung bayaran pokok dan faedah pinjaman ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 30 September 2021, dengan andaian kadar tukaran wang asing USD1.00 bersamaan dengan RM4.20, baki komitmen hutang 1MDB yang melibatkan bayaran prinsipal serta faedah 3 bon dan 1 sukuk adalah sebanyak **RM39.38 bilion** seperti di jadual berikut:

Bil.	Hutang	Prinsipal (RM Juta)	Faedah (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Sukuk IMTN terbitan 1MDB [P:RM5b, i:5.75%, M: 27 Mei 2039]	5,000	5,175	10,175
2.	Bon terbitan 1MDB Global Investment Limited (1MDG GIL) [P:USD3b, i:4.4%, M: 9 Mac 2023]	12,600	832	13,432
3.	Bon terbitan 1MDB Energy (Langat) Limited (1MELL) [P:USD1.75b, i:5.75%, M: 18 Okt 2022]	7,350	634	7,984
4.	Bon terbitan 1MDB Energy Limited (1MEL) [P:USD1.75b, i:5.99%, M: 11 Mei 2022]	7,350	440	7,790
		32,300	7,081	39,381

Nota: P - Prinsipal, i - Faedah, M - Tahun Matang

Berikutan daripada masalah kewangan yang dihadapi sebelum ini, Kerajaan sejak April 2017 telah menyalurkan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman/pendahuluan sebanyak kira-kira **RM9.91 bilion** melalui Kementerian Kewangan (MOF) dan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) bagi tujuan bayaran komitmen dan faedah hutang 1MDB.

Selain itu, Kerajaan sehingga 30 September 2021 juga telah menggunakan sebanyak **RM2.83 bilion** daripada dana pemulihan aset 1MDB bagi tujuan bayaran faedah hutang 1MDB. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 06 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab Dr. Rais Hussin meletakkan jawatan sebagai Pengerusi MDEC dan sama ada sedar bahawa beliau enggan menjadi 'Yes-Man', khususnya pandangan mengkritik kesilapan dasar sabotaj yang enggan memberikan pengecualian kepada kapal-kapal yang melakukan pembaikan kabel digital bawah laut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

YBhg. Datuk Wira Dr. Hj. Rais Hussin Hj. Mohamed Ariff telah meletakkan jawatan sebagai Pengerusi MDEC **secara sukarela** berkuatkuasa 7 Oktober 2021. Tiada sebarang alasan khusus dinyatakan dalam surat peletakan jawatan tersebut.

Sekian, terima kasih.